

DANA DWIBAHASA LEE KUAN YEW

# Saranan BH dapat sokongan dana

RANCANGAN *Berita Harian/Berita Minggu* membangunkan sumber-sumber pembacaan dwibahasa menerusi akhbar *Berita Harian/Berita Minggu* bakal mendapat suntikan Dana Dwibahasa Lee Kuan Yew.

Menurut satu kenyataan Kementerian Pendidikan (MOE), dana tersebut juga bertujuan menyokong usaha-usaha membangunkan lagu-lagu dwibahasa berdasarkan tema-tema yang dikenali kanak-kanak.

Selain BH/BM, saranan daripada syarikat Brainchild Pictures Pte Ltd dan Cik Lim Annie juga akan menerima dana tersebut.

Pemberian terbaru itu menjadikan jumlah saranan yang mendapat sokongan dana itu sebanyak 16.

Menteri Pendidikan yang juga pengurus lembaga dana tersebut, Encik Heng Swee Keat, berkata: "Lebih banyak sumber pengajaran dan pembelajaran yang ditaja oleh dana ini dijangka selesai dalam beberapa bulan mendatang dan kemudian boleh dimanfaatkan oleh pusat-pusat prasekolah dan ibu bapa kelak.

"Dengan sokongan padu daripada masyarakat, saya yakin kita akan terus dapat menca-

pai kemajuan yang baik dalam membangunkan minat yang mendalam terhadap pembelajaran bahasa di kalangan kanak-kanak kita."

Menurut kenyataan MOE, *Berita Harian/Berita Minggu* akan menerbitkan majalah dwibahasa Inggeris dan Melayu secara percuma setiap bulan bagi kanak-kanak prasekolah dan ibu bapa mereka.

Majalah bertajuk *Cilik Cerdik/Kids Smart* itu antara lain akan menampilkan cerita-cerita setempat, berita bagi kanak-kanak, tip keibubapaan, hasil penulisan, lukisan dan senarai kegiatan kemasyarakatan untuk kanak-kanak.

Bagi melengkapai majalah itu, BH/BM akan menghasilkan aplikasi bergerak yang memuatkan persembahan pelbagai media, kemudahan interaktif, sesi membaca dan permainan.

Mengulas, Timbalan Editor BH/BM, Encik Mohamed Zulkifli Rahmat, berkata: "Kami amat berbesar hati saranan kami diterima. Dengan suntikan dana ini, BH berharap dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam pengembangan dan penggalakan bahasa Melayu di sini, terutama di kalangan anak-anak muda.

"Projek kami mengukuhkan kepercayaan kami bahawa penguasaan bahasa perlu dipupuk seawal mungkin, setidak-tidaknya di peringkat prasekolah lagi."

Sejauh ini dana tersebut telah menerima 100 saranan dan memandangkan sambutan positif yang diterima, pihak dana kini mengundang orang ramai mengemukakan saranan.

Dana tersebut mengalu-alukan saranan yang bertujuan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda yang disasarkan terhadap peringkat prasekolah seperti asuhan, Tadika 1 dan Tadika 2.

Saranan yang dikemukakan akan dinilai berdasarkan kesesuaian, darjah keberkesanan, daya pengekalan dan potensi pemohon.

Jumlah yang akan diagihkan bagi setiap projek bergantung kepada jenis dan skopnya.

Permohonan boleh dibuat menerusi e-mel kepada [moe\\_lkyfb@moe.gov.sg](mailto:moe_lkyfb@moe.gov.sg) atau menerusi surat kepada Kementerian Pendidikan, 51 Grange Road, Singapura 249564.

Maklumat lanjut dan borang permohonan boleh didapati menerusi alamat [www.bilingualism.sg](http://www.bilingualism.sg).